

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 JULAI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16

### PM lancar 'Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat'

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan "Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat" sebagai pengemudi-an dan pengarahan baharu ekonomi untuk menjamin masa depan negara.

Pelancaran hala tuju ba-haru itu diadakan di ibu pe-jabat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di Putrajaya pada

### **PM lancar 'Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat'**

jam 9 pagi ini. "Nantikan, Insya-Allah," katanya menerusi catatan di laman rasmi Facebook be-liau.

Ekonomi Malaysia menca-

tatkan perkembangan yang lebih baik daripada jangkaan sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama 2023 didorong terutamanya oleh perbelan-jaan sektor swasta.

Terdahulu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Da-tuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata, bank pusat itu me-ngekalkan unjuran untuk pertumbuhan Keluaran Da-

lam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun ini antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus. Beliau berkata, permintaan dalam negeri kekal ber-daya tahan dan pasaran kerja kini semakin baik, seterusnya menyokong perbelan-jaan pengguna.

Pada 24 Februari lalu, Anwar yang juga Menteri Kewangan membentangkan

belanjawan pertama Keraja-an Perpaduan dengan pe-runtukan sejumlah RM388.1 bilion, meningkat daripada RM372.3 bilion yang diben-tangkan pada Oktober 2022.

Sejumlah RM289.1 billion di-peruntukan untuk belanja mengurus dan RM99 bilion bagi belanja pembangunan termasuk RM2 bilion simpa-nan luar jangka. - Bernama